



## MAQASID SYARIAH DAN PELAKSANAANNYA DALAM BIDANG PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Saidatul Munirah Sharifuddin, Zizi Amira Othman, Nurul Suraya Nordin, Siti Maryam Nazman, Wan Mohd Yusof Wan Chik & Haziqah Mahamad Bakri\*  
[haziqahbakri97@gmail.com](mailto:haziqahbakri97@gmail.com)

Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

---

### ABSTRAK

**Pengenalan:** Pemuliharaan alam sekitar merupakan suatu perbincangan yang amat berkait dengan timbangan elemen masalah dan mafsadah sebagaimana yang dibincangkan dalam disiplin Maqasid Shariah. Begitupun secara dasarnya al-Quran apatah lagi hadith banyak menjelaskan prinsip dan etika teras kepada pemuliharaan alam sekitar sama ada dalam bab ibadah mahupun muamalat. Saranan dan tegahan ini jika difahami, diikuti dan dihayati amatlah efisien pada zaman yang diakui kelestarian alam sekitar makin terancam. **Objektif:** Kertas kerja ini bertujuan untuk menonjolkan Maqasid Shariah dan mekanismenya dalam bidang pemuliharaan alam sekitar. **Metodologi:** Kajian berbentuk kualitatif ini adalah berasaskan kajian perpustakaan. Data diperolehi daripada analisis ke atas dokumen sama ada buku mahupun artikel yang disusun mengikut tema dan dibincangkan. **Dapatan:** Kajian mendapati bahawa pemuliharaan alam sekitar menurut Maqasid Shariah adalah meliputi dua sudut utama, iaitu meraih kemaslahatan dan mencegah kefasadan. Aspek meraih kemaslahatan adalah meliputi galakan berinteraksi dengan alam secara berobjektif, berhemah, bersederhana dan berdasarkan fungsinya. Manakala aspek mencegah kefasadan meliputi larangan-larangan seperti penggazetan tanah haram, penguatkuasaan pembalakan haram dan peruntukan akta kualiti alam sekeliling 1974. Begitupun secara umumnya masyarakat Islam didapati kurang memberi perhatian dalam hal ini. **Kesimpulan:** Pemuliharaan alam sekitar adalah suatu tuntutan Syariat Islam dan Maqasid Shariah yang mempunyai mekanisme dan matlamat yang seharusnya diterjemahkan dalam bentuk kefahaman dan aplikasi.

**Kata Kunci:** Pemuliharaan, Pelaksanaan Maqasid Syariah, Masalah, Mafsadah, Alam Sekitar.

---

### Pengenalan

Pada era globalisasi ini, alam sekitar dilihat semakin tenat dek kerana perbuatan manusia yang tidak ada perasaan empati dan bertanggungjawab untuk memastikan alam sekitar terus dipelihara. Alam sekitar yang ada pada hari ini bukan untuk dimusnahkan tetapi harus dipelihara untuk kegunaan generasi akan datang. (Mohmadisa Hashim, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah & Nasir Nayan, 2012)

Alam sekitar mempunyai hubungan yang sangat berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia. Menurut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, alam sekitar didefinisikan sebagai segala yang berada disekeliling manusia misalnya air, tanah, bau, bunyi, iklim, biologi haiwan dan tumbuh-tumbuhan serta faktor-faktor yang bergantung antara satu sama lain (Haliza Abdul Rahman & Roshasliney Hashim, 2010). Ringkasnya alam sekitar boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu alam sekitar semulajadi dan alam sekitar buatan. Alam sekitar semulajadi adalah sesuatu yang berada di bawah urusan Sang Pencipta. Ia terdiri daripada flora, fauna, dan persekitaran akuatik seperti gunung-ganang, sungai, lautan dan tanah lembab yang merupakan nadi kepada sumber alam sekitar. Manakala alam sekitar buatan pula ialah terbina hasil daripada pembuatan manusia untuk mengambil maafaatnya dan memenuhi keperluan kehidupan (Khairul Azhar bin Meerangani, 2018).

Pada peringkat dunia, pemuliharaan alam sekitar telah dilakukan dengan menjalankan audit alam sekitar. Audit alam sekitar adalah satu kaedah yang sistematik untuk menilai pencapaian alam sekitar sesuatu organisasi, fasiliti atau tapak untuk mengesahkan pematuhan kriteria audit (Norulaini Nik Ab. Rahman, 2009). Antara negara yang telah mengaplikasikan kaedah ini ialah Indonesia, Norway dan Kesatuan Eropah. Namun kaedah ini dilihat kurang berkesan dalam membantu usaha pemuliharaan alam sekitar sesebuah negara kerana kebanyakan pihak pemaju atau industri kurang memberi perhatian terhadap piawaian atau garis panduan penggunaan sumber alam yang telah ditetapkan oleh pihak audit (Norulaini Nik Ab. Rahman, 2009).

Pada peringkat negara pula, cabaran untuk memulihara alam sekitar ialah sikap sambil lewa pihak industri yang tidak cakna terhadap garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan (Akademi Audit Negara). Dalam peringkat komuniti, kelemahan sistem Pendidikan negara menjadi salah satu punca kurangnya kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar dalam diri setiap individu. Menurut BH Online juga, kesedaran masyarakat di Malaysia masih kurang terhadap penjagaan alam sekitar ini (BH Online, 2015). Meskipun kerajaan telah menjalankan usaha murni dalam menerapkan Pendidikan alam sekitar dalam proses pembelajaran di sekolah, namun matlamat yang perlu dicapai masih belum terlaksana (Rohana Othman, Rosta Harun, Azizi Muda & Ismi Arif Ismail, 2013).

Sebenarnya, sikap masyarakat yang kurang mengambil perhatian terhadap kestabilan alam sekitar seperti melakukan aktiviti pembalakan dan pembakaran yang tidak terkawal, pembuangan sisa toksik ke dalam sungai dan dan aktiviti-aktiviti lain (Jasiman Ahmad, 2003) boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar. Sumber alam perlu dimanfaatkan dengan lebih efisien supaya sistem alam sekitar lebih terjamin dari segi kestabilan dan keseimbangannya (Khairul Azhar Meerangani, 2018).

Selain itu, sikap kurang kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar juga boleh menyebabkan nyawa terkorban. Antara punca yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa kesan daripada pencemaran alam sekitar ialah kejadian tanah runtuh berikutan aktiviti pembalakan yang tidak terkawal disamping boleh mengakibatkan banjir kilat. Kejadian jerebu dan pencemaran-pencemaran alam sekitar yang lain juga mampu memberi kesan sekiranya konsep penjagaan nyawa ini tidak diaplikasikan dalam kehidupan (Khairul Azhar Meerangani, 2018).

Secara dasarnya, antara punca kemerosotan kualiti alam sekitar kian berlaku kerana pelaksanaan maqasid syariah kurang dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, amatlah penting kepada masyarakat khususnya umat Islam untuk memahami dan melaksanakan elemen maqasid syariah iaitu meraih kemaslahatan dan mencegah kefasadan supaya kestabilan dan keseimbangan alam sekitar dapat dipastikan untuk kegunaan generasi akan datang.

### **Objektif Kajian**

Kertas kerja ini bertujuan untuk menonjolkan Maqasid Shariah dan mekanismenya dalam bidang pemuliharaan alam sekitar.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merupakan kaedah yang diaplikasikan untuk pengumpulan data dan penganalisis data (Sharifah Norshah Bani Syed Bisin, Zulkifli Mohd, Zulkifli A.Manaf, Jamalluddin Hashim, Daud Ismail, Syh. Noorul Madidah Syed Husin, 2017). Bahagian ini juga menjelaskan jenis kajian yang akan dilakukan bagi mencapai objektif kajian. Di samping itu, terdapat satu bentuk metodologi yang digunakan oleh pengkaji iaitu kaedah kualitatif. Reka bentuk kajian ialah menggunakan kaedah perpustakaan. Sebelum dan

semasa menulis kertas kerja, pengkaji menggunakan kajian perpustakaan bagi membuat pengumpulan data dan bahan bacaan yang berkaitan. Pengkaji memanfaatkan Perpustakaan Al-Mukhtar UniSZA Kampus Gong Badak sebagai tempat untuk mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Antara kajian perpustakaan yang digunakan ialah buku-buku ilmiah, jurnal dan artikel menurut tema yang dibincangkan.

Kaedah analisis data juga digunakan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kertas kerja. Oleh itu, kertas kerja ini telah memilih untuk menggunakan kaedah analisis dokumen-dokumen bagi menjawab objektif kajian. Penganalisan data berlaku dengan menganalisis dokumen berkaitan pemuliharaan alam sekitar menurut Maqasid Shariah yang meliputi dua sudut utama, iaitu meraih kemaslahatan dan mencegah kefasadan.

### Isu-Isu Dan Perbincangan

Memahami maqasid syariah merupakan suatu perkara yang penting untuk memahami nas-nas syariah. Tujuan pensyariatannya adalah bagi memelihara dan mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia hingga ke akhirat (Yusuf Hamid al-Alim, 1993). Konsep maqasid syariah perlu diterapkan dalam diri masyarakat agar pemuliharaan alam sekitar ini selari dengan apa yang disyariatkan. Ini kerana, alam sekitar sekarang yang semakin tenat kerana perbuatan manusia di muka bumi ini sendiri. Firman Allah S.W.T:


ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ

يَرْجِعُونَ

Maksudnya: *“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”*.

Surah ar-Ruum (30): 41

Tafsir bagi ayat tersebut menurut Tafsir Ath-Thabari (Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir Ath-Thabari, 2009) adalah berkenaan perbuatan manusia yang tidak bermoral jelas memberi kesan kepada perkara maksiat yang terjadi di daratan dan di lautan. Dosa-dosa yang dilakukan oleh manusia juga mengakibatkan kezaliman tersebar luas sama ada di daratan atau di perairan. Lalu Allah SWT memberikan hukuman terhadap perbuatan mereka yang melakukan maksiat supaya mereka bertaubat dan meninggalkan perbuatan tersebut. Oleh itu, dengan adanya konsep Maqasid Syariah maka masalah dapat dijaga di samping menolak kemudaratan. Perkara utama yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah pemuliharaan alam sekitar menurut Maqasid Syariah yang meliputi dua sudut utama, iaitu meraih kemaslahatan dan mencegah kefasadan.



### 1. Dari sudut *kemaslahatan*

Masalah adalah sesuatu perkara yang mendatangkan kebaikan kepada manusia kerana mempunyai manfaat di dalamnya di samping mengutamakan kepentingan umum. Antara cabaran yang dihadapi dalam proses alam sekitar ialah dalam menangani individu yang menganggap alam sekitar tidak termasuk dalam kepentingan hidup masyarakat dari segi manfaat dan peranannya, mereka juga tidak mengambil cakna untuk berusaha bersama-sama bagi memastikan kesemua masyarakat menjayakan program pemulihan alam sekitar secara langsung atau tidak. Hadis sahih daripada Anas R.A turut meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ  
وَمُصْحَفًا وَرِثَةً أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ  
مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ يَلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ

Maksudnya: "Sesungguhnya yang didapati oleh orang yang beriman dari amalan dan kebaikan yang dia lakukan setelah dia mati adalah ilmu yang dia ajarkan dan sebarkan, anak soleh yang dia tinggalkan, mushaf al-Qur'an yang dia wariskan, masjid yang dibina, rumah bagi ibnu sabil (musafir yang terputus perjalanan) yang dia bina, sungai yang dia alirkan dan sedekah yang dia keluarkan dari harta ketika dia sihat dan hidup.

(HR Ibn Majah: 242)

Di antara tujuh golongan yang tetap diterima seseorang itu apabila dia mati kelak yang dapat dikaitkan dengan kemaslahatan menjaga alam sekitar ialah golongan yang sentiasa memastikan alam sekitar dalam keadaan yang kekal tanpa melakukan sebarang pemusnahan. Hadis ini mengkhususkan kepada tiga kumpulan iaitu golongan yang terlibat dalam pemuliharaan sungai, sumber air dan tumbuh-tumbuhan (Zaini Ujang, 2009). Sebagai langkah pemuliharaan, masyarakat perlulah berinteraksi dengan alam sekitar secara berobjektif seperti menelusuri alam sekitar melalui penggunaan alam semula jadi contohnya *kem survival* yang menerapkan unsur-unsur alam semula jadi sebagai sumber primer dalam melakukan aktiviti seharian.

Otak ialah satu kurniaan Allah kepada semua haiwan dan manusia. Walaupun begitu, akal merupakan kelebihan yang dikurniakan Allah kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan. Fikiran pula adalah hasil daripada akal untuk memproses sesuatu perkara sebelum bertindak. Penjagaan akal berkait rapat dengan alam sekitar supaya ianya dapat dijaga, dibela dan dipulihara dengan baik. Sebagaimana Allah telah mencipta langit dan bumi agar manusia sentiasa tunduk dan patuh kepada Allah. Firman Allah SWT:

وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَعَلَّهُمْ  
يَهْتَدُونَ

Maksudnya: *Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?*

Surah al-Anbiya' (17) : 31

Allah telah menciptakan kemudahan di muka bumi ini dengan begitu rapi sekali. Maka manusia perlu menggunakan pemberian ini sebaik mungkin. Contohnya penjimatan air bagi mengelakkan penebangan pokok yang banyak untuk membuat saluran. Berdasarkan Sinar Harian, 18 Oktober 2019 penulisan Ridauddin yang bertajuk "Kalau Cintakan Alam Usah Mandi Lebih 3 Minit" Zaini Ujang mengatakan bahawa mandi yang lebih 3 minit boleh menyebabkan kemusnahan. Hal ini kerana, disebabkan penebangan pokok daripada hutan bagi menampung air akan merumitkan lagi keadaan alam sekitar yang sudah tercemar.

## **2. Dari sudut kefasadan**

Mafsadah adalah lawan bagi masalah. Mafsadah boleh diertikan sebagai kemudaratan yang membawa kepada kerosakan (Akhbar Sarif & Ridzwan bin Ahmad). Alam sekitar yang sejahtera memberi perlindungan dan kebaikan kepada manusia. Pada hari ini kepesatan pemandaran yang semakin membangun menyebabkan berlakunya kerosakan dan bencana alam seperti yang dapat dilihat di sekeliling kita, pemandaran menjadikan permukaan tanah mengalami perubahan. Hal ini menyebabkan ruang saluran buatan manusia turut menjadi sempit dan mengakibatkan sungai semulajadi mengalami mendapan. Sedangkan, dalam kehidupan seharian, air merupakan salah satu elemen terpenting di bumi dan alam semesta ini. Bukan hanya kepada tumbuhan, bahkan haiwan hingga manusia, semua elemen yang hidup di muka bumi ini sangat memerlukan air di dalam kehidupannya. Firman Allah S.W.T:

أَمْ تَرَى أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَتُصْبِحُ الْأَرْضُ مُخْضَرَّةً ۗ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: *“Apakah kamu tiada melihat, bahwasanya Allah menurunkan air dari langit, lalu jadilah bumi itu hijau? Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui”*.

Surah al-Hajj (22): 63

Oleh itu, bagi mengelakkan berlakunya permasalahan kepada alam sekitar, langkah-langkah pemuliharaan perlu dilakukan bagi membendung daripada terjadinya permasalahan ini seperti *Hima'* iaitu merupakan salah satu istilah yang digunakan untuk menjadikan sesuatu kawasan lindung. Kawasan tersebut disimpan dan dijaga untuk masalah jangka panjang. Contohnya seperti penggazetan Tanah Haram iaitu mewartakan tanah tersebut sebagai tanah yang tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya tanpa izin pihak berkuasa. Tanah haram yang dimaksudkan adalah dinisbahkan kepada sistem *hima'* yang telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW iaitu menetapkan sesuatu bidang tanah sebagai kawasan larangan, mana-mana individu tidak dibenarkan memiliki tanah yang diwartakan secara persendirian, sebaliknya tanah itu menjadi milik bersama di kalangan rakyat dan manfaat tanah itu juga boleh digunakan oleh rakyat (Mohd Sabree Nasri, 2018).

Keadaan alam sekitar yang tidak stabil dan tidak seimbang boleh menjejaskan kehidupan generasi akan datang. Adalah perlu difahami bahawa alam yang didiami ini merupakan alam yang dikongsi bersama, oleh itu setiap generasi hendaklah berusaha untuk mengurus alam dengan baik. Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 205 yang mencela perbuatan makhluknya yang boleh membawa kepada kerosakan dan kebinasaan.

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَى فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ

Maksudnya: *“Kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusahalah ia di bumi, untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia; sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan”*.

Surah al-Baqarah (2): 205



Firman Allah SWT ini sudah jelas untuk membuktikan bahawa perbuatan yang tidak bermoral seperti melakukan kerosakan alam sekitar amatlah ditegah. Justeru, dengan adanya beberapa langkah daripada pihak yang bertanggungjawab akan membantu dan mengawal perilaku manusia daripada terus membuat kezaliman terhadap alam sekitar. Sebagai contoh bagi langkah tersebut adalah dengan adanya akta kualiti alam sekitar 1974 yang berkepentingan sebagai larangan dan pengawalan terhadap pencemaran alam sekitar seperti pembakaran terbuka, pembuangan berjadual, pembuangan sisa toksik dan yang lain-lain.

Alam Sekitar merupakan satu harta yang tidak ternilai yang dianugerahkan oleh Allah kepada umat manusia. Namun, angkara kecuaiannya aktiviti manusia dalam memelihara alam sekitar menjadi punca utama kejatuhan kualiti alam sekitar yang seharusnya dipelihara oleh manusia sejagat (Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Malaysia, 2010). Antara kelalaian yang dilakukan oleh manusia yang menyebabkan kualiti alam sekitar terjejas ialah pembalakan haram yang semakin berleluasa hingga menyebabkan penipisan lapisan ozon dan kepupusan flora dan fauna. Penjagaan alam sekitar kini telah mencapai tahap *dharuriyat* dalam pelaksanaan maqasid syariah kerana manusia bergantung kepada alam sekitar untuk menjalani kehidupan seharian (Kaedah Usul Fiqah, 2013). Rentetan itu, pihak berkuasa perlu menggiatkan lagi sistem penguatkuasaan dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar yang semakin meruncing. Contohnya penubuhan polis hutan bantuan, penguatkuasa hutan di peringkat daerah dan penguatkuasa pencegahan khas perhutanan, (Utusan Borneo Online, 2015). Hal ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 11 yang melarang manusia membuat kerosakan di muka bumi:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ

Maksudnya: *Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan".*

Surah al-Baqarah (2): 11

## Kesimpulan

Alam sekitar sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia. Tanpa alam sekitar yang sihat manusia tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna. Di samping memakmurkan alam sekitar, manusia diberi tanggungjawab untuk sentiasa memastikan alam sekitar dalam keadaan terjamin pemuliharaannya. Sememangnya ia merupakan tanggungjawab yang perlu digalas setiap manusia yang hidup di muka bumi ini. Namun, sikap tidak bertanggungjawab yang telah dipertontonkan oleh segelintir masyarakat yang melakukan pemusnahan terhadap alam sekitar. Hal ini telah menyebabkan pihak bertanggungjawab terpaksa melaksanakan pemuliharaan terhadap alam sekitar pada hari ini. Terdapat pelbagai langkah bagi meraih kemaslahatan dan mencegah kefasadan yang boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa dan masyarakat bagi memulihara alam sekitar. Konsep *dharuriyat* dalam Maqasid Syariah juga turut memainkan peranan yang besar dalam memastikan pemuliharaan alam sekitar dapat dilaksanakan dengan baik. Akhir kata, dalam memastikan kelestarian alam sekitar terus terjamin, elemen *masalah* dan *mafsadah* haruslah diterapkan bagi memastikan disiplin Maqasid Syariah terus tercapai.

## Rujukan

### Buku

- Asmadi Mohamed Naim (2003). *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Kedah: UUM.
- Ahsan Askam, Yusuf Hamdani, Abdush-Shamad & Misbah (2009). *Tafsir Ath-Thabari*. Jakarta, Indonesia: Pustaka Azzam.
- Haliza Abdul Rahman & Rohasliney Hashim (2010). *Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Malaysia*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Jabatan Audit Negara. (2006). *Laporan Simposium Pengurusan Alam Sekitar*. Negeri Sembilan: Akademi Audit Negara.
- Jasiman Ahmad. (2003). *Pencemaran Alam Sekitar*. Kuala Lumpur : Jade Green Publication Sdn. Bhd.
- Mohmadisa Hashim, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah & Nasir Nayan. (2012). *Perubahan Persekitaran Pelbagai Perspektif dan Masalahnya*. Perak : UPSI.
- Muhammad Hisyam Mohamad. (2009). *Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif: Pendekatan di Malaysia dalam Khairul 'Azmi Mohamad*. Kearah Umat Hadhari. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.
- Norulaini Nik Ab. Rahman. (2009). *Audit Alam Sekitar Dan Kaedahnya*. Pulau Pinang: USM.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bisin, Zulkifli Mohd, Zulkifli A.Manaf, Jamalluddin Hashim, Daud Ismail, Syh. Noorul Madihah Syed Husin. (2017). *Panduan Penulisan Akademik Fakulti Pengajian Kontemporari Islam*. Terengganu : UNISZA.
- Wahbah Zuhaily. (2013). ( *Kaedah Usul Fiqh* ) ( trj. Muhammad Ammar Adly ). Selangor : Penerbit Pustaka al-Ehsan.
- Yusuf Hamid al-Alim. (1993). *Al-Maqasid al-'Ammah li al-Syariah al-Islamiyyah*. Maghribi : Dar al-Aman.
- Zaini Ujang. (2009). *Minda Lestari Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Johor: UTM.

### **Rujukan Lain**

- Ahmad Fariz Mohamed. (2015). Jumaat 5 Jun. ' Kesedaran Alam Sekitar Rakyat Kita Masih Rendah'. BH Online, <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/node/59273/amp>
- Azman Mohd Noor, Muhamad Nasir Haron, Muhammad Nazir Alias, T.T. 'Kepentingan Memahami Maqasid Syariah Dalam Pembangunan Pembangunan Ekonomi Negara' Bangi: UIA
- Khairul Azhar Meerangani. (2018). ' Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid Syariah ' Jurnal Isu-Isu Semasa Islam & Sains. h.557. Melaka : Kolej Universiti Islam Melaka.
- Mohd Sabree Nasri (2018) ' Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar: Tinjauan Khusus pada Awal Pemerintahan Islam dan Undang-Undang Di Malaysia ' dalam Journal of Law & Governance Volume 1. h.115. Melaka : Kolej Universiti Islam Melaka.
- Rohana Othman, Rosta Harun, Azizi Muda & Ismi Arif Ismail (2013) ' Kesan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar Melalui Aktiviti Melukis Mural Untuk Meningkatkan Pengetahuan Dan Kesedaran Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Alam Sekitar'. Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 28, h. 12-13, Pulau Pinang: USM.